

# Kerajaan jamin terus bela nasib Orang Asli

PETALING JAYA 16 Nov. — Kerajaan memberi jaminan akan terus membela nasib Orang Asli supaya taraf kehidupan mereka setanding dengan kaum lain di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, golongan itu tidak akan dibiarkan kekal dengan cara hidup dan budaya lama sebaliknya akan terus diberi peluang bersaing dengan kaum lain dalam arus pembangunan negara.

Menurut beliau, kehidupan mereka di negara ini tidak akan senasib dengan Orang Asli di beberapa negara lain yang sering ditindas.

"Orang Asli di negara yang dikatakan maju tidak mempunyai hak, nasib mereka amat buruk sekali. Kadang-kadang mereka ditembak seperti bukan manusia," katanya ketika berucap pada majlis penyerahan kunci dan hak milik 147 unit rumah banglo dan teres dua tingkat kepada Orang Asli, di sini hari ini.

Semua rumah bernilai RM9.8 juta itu dibina di tanah rizab Orang Asli seluas 256.44 hektar di Bukit Lanjan dan Sungai Buloh.

Setiap unit rumah yang mempunyai empat hingga lima bilik itu dibina di atas tanah lot seluas antara 676 meter persegi hingga 929 meter persegi.

Pada majlis yang sama, Dr. Mahathir mengisytiharkan kawasan penempatan Orang Asli di Bukit Lanjan sebagai Desa Temuan manakala Desa Riang di Sungai Buloh.

Perdana Menteri menyelar sikap sesetengah pihak yang cuba menghalang usaha kerajaan untuk memajukan Orang Asli.

"Ada yang berkata Orang Asli mesti hidup seperti Orang Asli iaitu hidup dalam keadaan daif dengan kesihatannya tidak terjaga.

"Mereka kata itu budaya mereka dan jangan kacau mereka," katanya sambil menambah bahawa pihak tersebut sebenarnya berasal dari keturunan yang tidak bertamadun suatu masa dulu.